

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

Jualan sektor pembuatan Oktober melonjak 12.9 peratus

Jualan sektor pembuatan Oktober melonjak 12.9 peratus

Sektor pembuatan Malaysia mencatat nilai jualan berjumlah RM158.9 bilion pada Oktober 2022 iaitu meningkat 12.9 peratus berbanding setahun lalu, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pertumbuhan dua angka dalam jualan bagi Oktober 2022 itu dipacu terutama oleh subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik (23.8 peratus), khususnya dalam industri pembuatan kok dan produk petroleum bertapis.

Pertumbuhan nilai jualan ini turut didorong oleh subsektor peralatan elektrik dan elektronik (16.6 peratus) dan produk makanan, minuman dan tembakau (4.6 peratus).

Mohd Uzir berkata bilangan pekerja sektor pembuatan adalah seramai 2.32 juta orang pada Oktober iaitu peningkatan sebanyak 3.6 peratus daripada 2.24 juta orang dalam tempoh sama tahun lepas.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor peralatan elektrik dan elektronik (6.6 peratus), produk makanan, minuman dan tembakau (4.3 peratus) serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik (2.0 peratus)," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Jabatan Perangkaan berkata jumlah gaji dan upah yang dibayar dalam sektor pembuatan meningkat 4.8 peratus yang berjumlah RM7,880.9 juta, seiring dengan peningkatan bilangan pekerja.

Nilai jualan bagi setiap pekerja pula meningkat 9.0 peratus kepada RM68,441 berbanding tempoh sama pada 2021.

"Purata gaji dan upah setiap pekerja adalah RM3,395," katanya.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2022, nilai jualan sektor pembuatan melonjak 17.1 peratus kepada RM1,485.2 bilion berbanding tempoh sama pada 2021.

"Pada masa sama, bilangan pekerja meningkat 3.6 peratus kepada 2.32 juta orang dengan gaji serta upah berkembang 5.3 peratus kepada RM78.1 bilion.

"Dalam tempoh itu, nilai jualan bagi setiap pekerja merekodkan RM639,852 dengan pertumbuhan 13.0 peratus tahun ke tahun," katanya.

BERNAMA

Mohd Uzir Mahidin